



LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)

PEKELILING PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN KEDA BIL. 1/2017

ARAHAN PENTADBIRAN POLISI TIADA HADIAH DI LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA) DAN ANAK SYARIKAT

DIKELUARKAN KEPADA:

JAN 2017

Timbalan Pengurus Besar Operasi
Timbalan Pengurus Besar Pengurusan
Pengurus Hartanah dan Prasarana
Pengurus Perancangan dan Penyelarasan
Pengurus Niagatani
Pengurus Pembangunan Modal Insan dan Pembasmian Kemiskinan
Pengurus Industri Desa dan Usahawan
Pengetua Kolej KEDA
Pengurus Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia
Pengurus Kewangan
Ketua Unit Teknologi Maklumat
Ketua Unit Integriti
Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Ketua Unit Perniagaan Strategik (SBU)
Ketua Unit Pentadbiran Am
Ketua Unit Komunikasi Korporat
Ketua Unit Kutipan Hasil dan Penguatkuasaan
Ketua Unit Audit Dalam
Ketua Unit Logistik
Pegawai Pembangunan Zon 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8 & 9



LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)

PEKELILING PENTADBIRAN : POLISI TIADA HADIAH DI LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA) DAN ANAK SYARIKAT

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan keputusan Pengurusan KEDA pada Mesyuarat Pengurusan KEDA Bilangan 12/2016 berhubung pelaksanaan Polisi Tiada Hadiah di KEDA dan anak syarikat.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Selaras dengan agenda transformasi sektor awam ke arah memperkukuh budaya integriti penjawat awam, Pengurusan KEDA dan anak syarikat amat memandang serius berhubung amalan pemberian hadiah kepada pegawai, terutama kepada pegawai yang mempunyai kepentingan tugas atau sesuatu kepentingan lain yang melibatkan pihak pemberi hadiah.

- 2.2 Sebagai penjawat awam adalah menjadi satu kesalahan apabila seorang pegawai yang mempunyai Ketua Jabatan sekiranya menerima atau memberi hadiah tidak kira kecil atau besar nilainya bagi sesuatu perkhidmatan atau tugas rasmi.

3.0 DEFINISI HADIAH

- 3.1 Merujuk kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998, definisi hadiah termasuklah **wang, tambang percuma, saham, tiket loteri, kemudahan perjalanan, hiburan, perkhidmatan, keahlian kelab, apa-apa bentuk komisyen, hamper, barang kemas, perhiasan, apa-apa benda yang bernilai** yang diberi kepada pegawai itu.

4.0 OBJEKTIF POLISI

- 4.1 Polisi ini diwujudkan bagi **mengelakkan sebarang persepsi wujudnya konflik kepentingan yang membabitkan mana-mana pihak.**
- 4.2 Polisi ini juga dibangunkan bagi membentuk budaya integriti di kalangan pegawai KEDA dan anak syarikat selaras **Ikrar Integriti Korporat/Corporate Integrity Pledge (CIP)** bersama pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 10 April 2016 lalu.

5.0 PELAKSANAAN POLISI

- 5.1 Polisi ini wajib dipatuhi oleh semua pegawai KEDA termasuklah anak syarikat KEDA.
- 5.2 Pelaksanaan polisi ini adalah berbentuk '*internal declaration*' dan dibaca bersekali dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 yang sedia berkuat kuasa.
- 5.3 Anak Syarikat KEDA yang dimaksudkan adalah:
- 5.3.1 KEDA Holdings Sdn Bhd;
 - 5.3.2 KEDA Properties And Management Sdn Bhd;
 - 5.3.3 KEDA Resort And Holidays Sdn Bhd; dan
 - 5.3.4 KEDA Agrobiz Sdn Bhd.
- 5.4 Melalui polisi ini, setiap pegawai KEDA dan anak syarikat **tidak dibenarkan**:
- i. Menerima sebarang hadiah secara peribadi dalam pelbagai bentuk daripada mana-mana pihak luar yang terlibat secara langsung dengan KEDA dan anak syarikat; dan
 - ii. Memberi sebarang hadiah secara peribadi dalam pelbagai bentuk kepada mana-mana pihak luar yang terlibat secara langsung dengan KEDA dan anak syarikat.

5.5 Walau bagaimanapun, hadiah berbentuk cenderahati korporat yang disampaikan kepada pihak KEDA dan anak syarikat oleh rakan usaha sama atau daripada KEDA dan anak syarikat kepada pihak luar atas urusan rasmi adalah dibenarkan.

6.0 TARIKH KUAT KUASA

Pelaksanaan Polisi Tiada Hadiah di KEDA dan anak syarikat ini berkuat kuasa mulai tarikh arahan ini dikeluarkan.

“PEMBANGUNAN SEIMBANG RAKYAT SEJAHTERA”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' MOHD ARPAN BIN SHARI)

Pengurus Besar

Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)

3 Januari 2017